



3rd Issue
VOLUME 2
OCTOBER 2024

UiTM MUKAH BULLETIN

Inou Dengan UiTM Mukah?


- Pasukan Debat UiTM Mukah Terus Unggul di Pertandingan Debat Piala Rektor
- Program Kerjaya Pertanian dalam Industri Sagu
- UiTM Mukah Rakan Strategik Utama Jom Masuk U (JMU) 2024 Zon Sarawak II, Sibu
- Impact Digital Community Tourism (IDCT) Mini Showcase
- SULAM AGA109: Ke Arah Memperlengkap Kebolehpasaran Pelajar ATI22 Dengan Aktiviti Khidmat Komuniti


HIGHLIGHTS:



TABLE OF CONTENT

- 01.** From Deputy Rector's Desk
- 02.** From Assistant Rector's Desk
- 03.** Chief Editor's Note
- 04.** Editorial Board
- 05.** Highlights
- 11.** News and Articles
- 44.** Creative Writing
- 52.** Thank You
- 53.** Congratulations!
- 66.** Press and Media Coverage





EDITORIAL BOARD



Associate Professor Ts. ChM. Dr. Mohammad Isa Mohamadin

Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah

Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi

Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**

Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph

Ms. Cindy Robert

Ms. Fakhira Jafri

Mr. Shileyiusken Mijen

Webmaster

Mrs. Irene Seluroh

Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat

Photographer

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 28 October 2024



HIGHLIGHTS

Pasukan Debat UiTM Mukah Terus Unggul di Pertandingan Debat Piala Rektor

Penulis: Muhammad Shahimi Ariffin, Mohd Zuhaili Kamal Basir dan Awang Razin Awg Baderulhisam

Pada 27 Jun 2024, Kelab Debat UiTM Mukah telah menghantar dua pasukan debat yang diberi julukan sebagai pasukan Kampus A dan pasukan Kampus B iaitu masing-masing mewakili Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP) dan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA). Objektif penyertaan ini adalah untuk mencabar sekaligus bagi mengekalkan kejuaraan tahun sebelumnya dalam Pertandingan Debat Piala Rektor. Pertandingan ini berlangsung pada 27 hingga 29 Jun 2024 iaitu bertempat di UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 2.



Secara keseluruhannya pertandingan ini telah berjaya menarik penyertaan sebanyak 13 fakulti termasuk sebuah kampus yang mewakilkan dua pasukan mewakili pusat pengajian masing-masing. Pasukan debat UiTM Mukah telah diiringi oleh Ust. Mohd Zuhaili Kamal Basir selaku pegawai pengiring merangkap penasihat kelab. Kekuatan pasukan debat Kampus A ditarisi oleh Sdr. Awang Razin bin Awg Baderulhisam, Sdr. Muhammad Azirul Hazmil bin Mohamad Bakri, Sdr. Mohamad Zarif Hamzi bin Baharnuddin dan Sdr. Abang Muhammad Harith bin Abang Kiprawi manakala pasukan debat Kampus B pula diwakili oleh Sdr. Benedict Salang Anak Bilong, Sdr. Ain Zaireena binti Zaidi dan Sdr. Dayang Norayuni binti Awang Basuni.



Saingan yang sengit oleh kedua-dua pasukan debat UiTM Mukah akhirnya membawa kepada pasukan debat Kampus A melepas peringkat saringan, suku akhir, separuh akhir dan sekaligus dinobatkan sebagai Juara Keseluruhan dengan membawa pulang piala pusingan berserta wang tunai. Tidak sekadar itu, pendebat terbaik juga turut dinobatkan kepada salah seorang pasukan debat Kampus A iaitu Sdr. Abang Muhammad Harith bin Abang Kiprawi. Pertandingan Debat Piala Naib Canselor dijangka akan berlangsung sekitar bulan Ogos 2024 nanti. Diharapkan momentum kejayaan ini dapat dikekalkan oleh pasukan debat kita nanti!

